

Penilaian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Kursus dan Latihan yang Ditawarkan oleh Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS)

Abdul Ghafar Haji Don^{a*}, Ab. Halim Tamuri^b, Supyan Hussin^c, Mohd Aderi Che Noh^b, Ahmad Irdha Mokhtar^a, Zulkefli Aini^a

^aFakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

^bFakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

^cInstitut Alam & Tamadun Melayu, Universiti kebangsaan Malaysia,, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: a.g.don@ukm.edu.my

Abstrak

This article is concerned on the assesment of the courses and training impelemented by Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). There are five units which are responsible in conducting ILDAS's courses and training, namely as Pusat Latihan Pengurusan Am, Pusat Latihan Pengurusan Dakwah, Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam, Pusat Latihan Pengurusan Teknologi Maklumat and Pusat Latihan Pengurusan Masjid. The study which covers courses and trainings in a period of 2010-2012 has involved 1000 participants in Selangor . Some of 1000 questionnaires was distributed among the participants. This study has employed two-stage random sampling by combining cluster sampling and stratified random sampling as a sample of the study. The study found that majority of the participants satisfied with the courses offered to them. The overall min score 3.973 proved participants satisfaction.

Keywords: Assesment; effectiveness; course and trainig; ILDAS

Abstrak

Artikel ini adalah hasil kajian tentang penilaian terhadap kursus dan latihan yang dilaksanakan oleh Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). Terdapat lima unit yang bertanggungjawab terhadap kursus dan latihan yang dilaksanakan ILDAS, iaitu Pusat Latihan Pengurusan Am, Pusat Latihan Pengurusan Dakwah, Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam, Pusat Latihan Pengurusan Teknologi Maklumat and Pusat Latihan Pengurusan Masjid. Kajian ini melibatkan seramai 1000 orang peserta di seluruh negeri Selangor dan tempoh tahun liputan yang dinilai ialah kursus-kursus dan latihan yang diadakan pada tahun 2010-2012. Sebanyak 1000 borang soal selidik telah diedarkan kepada para peserta. Pada asasnya, pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah two-stage random sampling yang menggabungkan cluster sampling dan stratified random sampling. Secara keseluruhannya, daripada dapatan kajian ini, didapati majoriti daripada peserta-peserta kursus ini berpuas hati dengan kursus yang ditawarkan kepada mereka. Ini dapat dilihat kepada nilai min keseluruhan tinggi yang diperolehi iaitu 3.973.

Kata kunci: Penilaian; keberkesanan; kursus dan latihan; ILDAS

© 2015 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENDAHULUAN

Program latihan adalah satu aspek penting yang tidak boleh dikesampingkan dalam rangka melahirkan pekerja terlatih dan profesional. Seterusnya mampu menyumbang kepada peningkatan kualiti kerja dan produktiviti serta meningkatkan imej organisasi. Pendidikan dan latihan begitu ditekankan dalam Islam. *Tamrin* dan *tadrib* adalah dua istilah yang sinonim dengan latihan dalam Islam. (Hans Wehr 1980 :2766, 905). Hadith Nabi berhubung kepentingan latihan ini dapat dilihat seperti berikut:

"Tiga golongan bagi mereka dua ganjaran, iaitu lelaki daripada Ahli Kitab yang beriman dengan Nabinya dan beriman dengan Nabi Muhammad s.a.w, seorang hamba apabila ia melaksanakan hak Allah dan hak tuannya, dan seorang lelaki yang mempunyai hamba lalu ia mendidik dan mengajarnya danmengelokkan pendidikan dan pengajarannya, kemudian membebaskan hamba tersebut lalu mengahwininya maka baginya pahala" (*Al-Bukhari*, Kitab al-ilm, jil.1: 35)

Amalan di zaman Rasulullah menunjukkan baginda begitu prihatin dalam soal pendidikan dan latihan. Di peringkat Mekah lagi aspek latihan dan pendidikan ini telah diberi perhatian serius dalam melahirkan masyarakat dan pekerja Muslim berkualiti. Safi-ur-Rahman al-Mubarakpuri (1995) menyatakan pada tahun ke-5 hijrah, baginda Rasulullah telah menjadikan rumah al-Arqam di Bukit Sofa pusat melatih pengikut-pengikutnya memami al-Qur'an dan ajaran Islam. Sebagai contoh, di Madinah institusi al-Suffah yang terletak dalam Masjid nabawi berperanan sebagai pusat pendidikan, dakwah dan latihan. Tentang peranan al-Suffah ini Sherwani (1939) menjelaskan:

The school of Suffah provided instruction not only for the boarders but also day scholars and casual visitors attended in the large numbers. The number of the boarders in Suffah varied from time to time and record shows taht at one time there were seventy living in Suffah. Besides the local population, batches of students from far-off tribes used to come and stay there for a while and complete their course before returning to their country. Often the Prophet asked some of his trained companions to accompany the tribal delegations on their return journey in order to organise education in their country and then return to Madinah.

Sehubungan dengan itu, dalam konteks meningkatkan kualiti pekerja Muslim yang berwibawa dan profesional, JAIS melalui ILDAS telah merangka dan melaksanakan program latihan secara berterusan. Justeru, adalah penting penilaian terhadap kursus-kursus dan latihan yang dianjurkan ILDAS dilihat bagi mengetahui keberkesannya. Penilaian peserta terhadap program yang dilaksanakan boleh menjadi penanda aras terhadap keberkesanan kursus dan latihan yang dianjurkan ILDAS. Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program-program serta kursus-kursus yang dijalankan oleh pihak ILDAS. Aspek-aspek yang diberi tumpuan dalam menilai keberkesanan program latihan dan kursus ILDAS ini ialah meliputi:

- Objektif program dan kursus
- Kandungan program dan kursus
- Pelaksanaan kursus
- Pelaksanaan pengajaran dalam program dan kursus
- Kaedah dan strategi pengajaran program dan kursus
- Kebolegunaan kandungan, produk dan keberkesanan program dan kursus

■2.0 PENGENALAN KEPADA ILDAS

ILDAS telah ditubuhkan pada tahun 1995 sebagai sebuah institusi penting dalam pentadbiran kerajaan Selangor. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bertanggungjawab terhadap perjalanan ILDAS. Di peringkat awal penubuhannya, ia beroperasi di Pekan Sabak Bernam dengan nama Pusat Dakwah Selangor (PDS). Pada 20 Mei 2000, PDS telah berpindah operasinya ke bangunan baru di Sungai Lang, Sabak Bernam Selangor dengan nama baru, iaitu Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). Sejak penubuhannya, ILDAS telah berperanan dalam mengendalikan kursus dan latihan kepada masyarakat awam dan pekerja kerajaan di Selangor. Penubuhan ILDAS adalah untuk memenuhi hasrat Jabatan Agama Islam Selangor untuk melahirkan sistem pentadbiran dan pengurusan yang cekap berasaskan Islam (Buku Program ILDAS 2009). Hasrat ini adalah selaras dengan perintah al-Qur'an supaya umatnya bekerja dan mengurus secara sistematik sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

”Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk mempertahankan agamanya, dalam barisan yang tersusun teratur rapi seolah-olah mereka bangunan yang tersusun kukuh” (Al-Qur'an, Surah al-Saff:4)

Abdullah Yusuf Ali (1989) dalam komentar beliau berhubung ayat tersebut telah menggunakan istilah-istilah *order*, *discipline*, *cohesion* dan *courage* bagi menggambarkan tentang semangat kerja secara sistematik yang digariskan al-Qur'an.

Semua kursus yang dijalankan di ILDAS dilaksanakan berdasarkan modul yang disediakan oleh pihak pengurusan ILDAS. Tujuan utamanya ialah melaksanakan latihan kepada kakitangan JAIS dan juga pihak-pihak yang berkepentingan serta orang awam untuk membantu dan melancarkan pentadbiran Islam di negeri Selangor. Terdapat lima pusat latihan yang bertanggungjawab di ILDAS untuk melaksanakan kursus dan latihan tersebut iaitu (Buku Program ILDAS 2009):

- i. Pusat Latihan Pengurusan Am
- ii. Pusat Latihan Pengurusan Dakwah
- iii. Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam
- iv. Pusat Latihan Pengurusan Teknologi Maklumat
- v. Pusat Latihan Pengurusan Masjid

Kelima-lima pusat tersebut berperanan merealisasikan objektif yang telah digariskan ILDAS, iaitu: Mengurus pelaksanaan latihan dan pembangunan insan yang terbaik dan berkesan, memberi latihan pengurusan pendidikan yang terbaik dan berkesan, memberi latihan pengurusan masjid yang terbaik dan berkesan, memberi latihan teknologi maklumat yang terbaik dan berkesan dan memberi latihan pengurusan dakwah dan pembangunan insan yang terbaik dan berkesan.

Sehingga kini, pihak ILDAS menawarkan lebih daripada 100 siri kursus sepanjang tahun yang dibuka kepada orang awam dan juga kakitangan awam di negeri Selangor khususnya kakitangan JAIS. Tenaga pengajar yang terlibat dalam program ini terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan seperti pegawai kanan kerajaan, pensyarah-pensyarah universiti tempatan dan juga guru-guru yang berpengalaman. Disamping itu, ILDAS juga menyediakan tempat kepada pihak luar yang mengadakan kursus dan atau menggunakan latihan yang disediakan oleh pihak ILDAS.

Visi yang ditetapkan oleh ILDAS ialah “ILDAS institut terbaik, bertaraf dunia diredhai oleh Allah SWT. Bagi memastikan perjalanan pengurusan ILDAS berjalan dengan lancar, ILDAS telah pun diberikan ISO9001-2008 (Buku Program Latihan ILDAS). Secara umumnya, sehingga tahun 2010, ILDAS mempunyai beberapa kemudahan latihan iaitu surau, kantin, dewan makan, kemudahan sukan, 1 auditorium, 7 bilik kuliah, 9 bilik bengkel, bilik mesyuarat 4 dan 1 makmal komputer.

■3.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

3.1 Kursus-Kursus Yang Dinilai

Kajian ini melihat kepada kursus-kursus dan latihan yang ditawarkan oleh kelima-lima pusat di bawah ILDAS. Penilaian yang dibuat adalah secara umum tentang kepuasan dan keberkesanan program. Kursus-kursus yang dinilai adalah seperti berikut:

- A. Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam iaitu:
 1. Kursus Pengurusan Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan
 2. Pengurusan Ko-Kurikulum Berkesan

3. Kursus Pengurusan Hal Ehwal Murid
4. Kursus Pembinaan Soalan Dan Jawapan
5. Kursus Tarannum

B. Pusat Latihan Pengurusan Am, iaitu:

1. Kursus Sembelihan Binatang Halal (Bukan Komersial)
2. Kursus Pengurusan Kewangan
3. Kursus Pengurusan Fail Dan Rekod
4. Kursus Pengurusan Harta Menurut Perspektif Islam
5. Kursus Pengurusan Barang Kes

C. Pusat Latihan Pengurusan Teknologi Maklumat (PLPTM), iaitu:

1. Kemahiran Komputer
2. Pembinaan Jadual Waktu berkomputer
3. Kursus e-Mail JAIS 4.
4. Kursus penyediaan sistem permarkahan
5. MS Power Point.


Tumpuan penilaian kepada kursus-kursus di bawah PLPTM ialah dengan melihat kepada tahap keupayaan ICT, tahap aplikasi ICT dan juga tahap kekerapan penggunaan ICT di pejabat atau tempat kerja.

Kajian ini melibatkan seramai 1000 orang peserta di seluruh negeri Selangor. Sebanyak 1000 borang soal selidik telah diedarkan kepada para peserta Pada asasnya, pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah *two-stage random sampling* yang menggabungkan *cluster sampling* dan *stratified random sampling* (Babbie 1986 dan Burns 2000). Berikut adalah anggaran responden yang terlibat berdasarkan kepada tiga pusat latihan yang dipilih

Jadual 1 Jumlah borang soal selidik yang dihantar berdasarkan pusat latihan di ILDAS

Bil	Nama Pusat	Soal selidik peserta
1	Pusat Latihan Pengurusan Am	200
3	Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam	600
3	Pusat Latihan Pengurusan Teknologi Maklumat	200
JUMLAH		1000

Tahap-tahap pelaksanaan kajian boleh dapatlah diringkaskan seperti berikut



Rajah 1 Kerangka kajian

Data-data yang diperolehi melalui kajian ini dianalisis dengan menggunakan program PASW (*Version 18.0*). Data-data daripada borang soal selidik dan pemerhatian pula dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus dan frekuensi, terutama yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item atau pemboleh-pembolehubah kajian. Bagi semua pernyataan negatif, penyelidik telah mengkodkan semula data kepada skor positif bagi mendapatkan keputusan sebenar. Pada tahap ini, analisis data kajian menggunakan perisian SPSS bagi analisis kuantitatif secara deskriptif. Analisis deskriptif merupakan teknik penghuraian data secara menyeluruh yang bertujuan untuk memberi gambaran awal tentang profil responden berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Interpretasi skor min


Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah/Tidak Sesuai
2.34 hingga 3.66	Sederhana/Agak Sesuai
3.67 hingga 5.00	Tinggi/Sesuai

Sumber: Ubah suai daripada Ab. Halim (2012)


Selain itu, ujian inferensi seperti *T-Test*, Pearson's correlation juga digunakan untuk melihat perbezaan dan hubungan antara beberapa pembolehubah bebas. Selain itu, maklumat tambahan yang diperolehi melalui soalan terbuka dianalisis secara manual.

3.2 Latar Belakang Responden Kajian


Kajian ini telah dijalankan dijalankan dinegeri Selangor dan telah melibatkan seramai 830 orang responden kajian. Berikut adalah maklumat yang berkaitan dengan latar belakang sampel kajian:

**Rajah 2** Jantina peserta kursus

Jadual 2 di atas menunjukkan sampel kajian yang pernah terlibat dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak ILDAS. Daripada jadual tersebut didapati sampel kajian ini adalah terdiri daripada 155 lelaki (18.7%) dan 675 orang (81.3%) peserta perempuan. Jadual 3 berikut pula menunjukkan bilangan sampel kajian berdasarkan kepada tempat mereka bekerja. Dapatan menunjukkan seramai 161 (19.4%) peserta bertugas di ibu pejabat Jabatan Agama Islam Selangor dan 89 (10.7%) orang pula berkhidmat di pejabat-pejabat agama Islam daerah. Majoriti sampel kajian ini adalah guru-guru sekolah rendah agama iaitu seramai 580 orang (69.9%)

**Rajah 3** Tempat bertugas peserta kursus


Berikut pula adalah maklumat berkaitan dengan zon di mana para peserta bertugas.



Rajah 4 Zon daerah bertugas peserta kursus

Jadual di atas menunjukkan sampel kajian ini terdiri daripada 830 peserta yang datang daripada beberapa zon. Seramai 104 (13%) peserta kajian adalah datang daripada zon utara (Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor). Zon selatan (Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang) pula diwakili oleh seramai 128 (15%) sampel kajian. Manakala majoriti sampel kajian adalah daripada kawasan tengah iaitu seramai 598 peserta iaitu 72% daripada keseluruhan sampel kajian ini. Jumlah yang tinggi disebabkan terdapat sampel daripada ibupejabat JAIS dan juga tiga pejabat agama daerah serta jumlah sekolah yang banyak di ketiga-tiga daerah zon tengah iaitu Kelang, Petaling dan Gombak.


Jadual berikut akan menunjukkan pula taburan sampel kajian berdasarkan umur mereka:



Rajah 5 Latar belakang umur peserta kursus

Berdasarkan Jadual 5 di atas, 35% (291 peserta) daripada sampel kajian adalah berumur antara 21-30 tahun dan 37% (305 peserta) adalah terdiri daripada mereka yang berumur antara 31-40 tahun. Selain itu, 22% (180 peserta) sampel adalah terdiri daripada peserta kursus yang berumur antara 41-50 tahun. Hanya 6% (54 peserta) sahaja peserta kursus berumur 51 tahun ke atas yang menjadi sampel kajian ini.


Bagi mendapatkan kepelbagaian maklumat, kajian ini telah mengambil sampel peserta kursus yang sudah lama berkursus iaitu antara 6 bulan sehingga 3 tahun dan juga mereka yang sebaik sahaja menamat kursus di ILDA.



Rajah 6 Latar belakang mengikuti kursus di ILDAS

Jadual di atas menunjukkan 70% (582) sampel kajian ini adalah para peserta yang telah lama mengikuti kursus, manakala 30% (248) adalah peserta yang baru sahaja me namatkan kursus di ILDAS.

Daripada latar belakang perkhidmatan pula seperti Rajah 7, 76% (631) sampel adalah terdiri daripada guru-guru termasuk di dalamnya guru-guru pendidikan Islam SRA, guru KAFKA, pegawai perkhidmatan lepasan diploma (DG29 dan DG32) dan juga nazir akademik. Manakala seramai 199 sampel (24%) pula adalah pegawai perkhidmatan di JAIS dan pejabat agama Islam daerah di beberapa daerah. Antara mereka termasuklah pegawai hal ehwal Islam (5), pembantu hal ehwal Islam (33), pembantu tadbir (71), penolong pegawai hal ehwal Islam (33) serta berbagai jawatan lain seperti pembantu am dan penyelia.



Rajah 7 Latar belakang perkhidmatan

3.3 Penilaian Umum Kursus

Berdasarkan analisis borang soal selidik yang dilakukan, penilaian para peserta terhadap kursus-kursus yang dijalankan di ILDAS dapatlah dirumuskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3:

Jadual 3 Penilaian umum peserta terhadap kursus di ILDA

BIL	PERNYATAAN	STS	TS	KS	S	SS	MIN
B1	Kursus yang telah saya ikuti memenuhi apa yang saya harapkan/jangkakan	.4	1.6	8.8	72.8	16.5	4.033
B2	Kursus yang telah saya ikuti meningkatkan kefahaman saya dengan lebih baik		.7	9.3	67.4	22.5	4.117
B3	Kursus yang telah saya ikuti meningkatkan kemahiran saya untuk menjalankan tugas dengan lebih baik		.4	8.1	66.5	25.1	4.162
B4	Saya merasa lebih bertanggungjawab setelah mengikuti kursus		.5	5.4	69.1	24.9	4.185
B5	Saya merasa lebih seronok bekerja setelah mengikuti kursus	.2	.8	9.1	64.2	25.7	4.141
B6	Kursus yang saya ikuti banyak membantu saya dalam menjalankan tugas seharian	.1	.4	9.8	63.9	25.8	4.148
B7	Kandungan kursus sesuai dengan keperluan kerja/seharian	.2	1.1	14.0	65.4	19.2	4.023
B8	Penceramah kursus berwibawa dalam menyampaikan maklumat	.2	.7	13.6	61.4	24.1	4.083
B9	Bahan/Nota yang dibekalkan amat berguna untuk dijadikan rujukan	.4	.6	11.1	64.6	23.2	4.098
B10	Kemudahan tempat kursus sangat memuaskan	.5	1.3	12.7	58.4	27.1	4.102
B11	Lokasi kursus tidak menjadi masalah kepada saya	4.7	5.6	23.2	44.1	22.4	3.738
B12	Kehadiran ke kursus ini menjejaskan tugas harian saya	18.7	22.3	34.1	20.0	5.0	2.703
B13	Kursus yang saya ikuti meningkatkan kualiti kerja	.7	1.2	7.9	70.8	19.4	4.069
B14	Saya bersedia untuk mengikuti kursus yang ditawarkan	.5	1.8	9.9	68.0	19.8	4.047
B15	Tempoh kursus adalah sesuai	1.0	4.4	20.1	58.5	16.0	3.842
B16	Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan kursus yang telah saya ikuti	.8	.6	9.2	69.1	20.2	4.072
MIN KESELURUHAN							3.973

Dapatan kajian di atas secara umumnya menunjukkan peserta-peserta yang menghadiri kursus di ILDA agak berpuas hati dengan pelaksanaan kursus-kursus yang dijalankan. Min keseluruhan bagi aspek ini ialah pada tahap 3.973 iaitu masih berada pada tahap tinggi. Dapatan di atas menunjukkan hampir kesemua item-item yang dinyatakan di atas berada pada aras tinggi dan menggambarkan bahawa para peserta boleh dikatakan berpuas hati dengan pelaksanaan kursus-kursus di ILDA. Dalam bahagian ini, min yang tertinggi ialah "Saya merasa lebih bertanggungjawab setelah mengikuti kursus" yang berada pada aras 4.185. Ini diikuti oleh item "Kursus yang telah saya ikuti meningkatkan kemahiran saya untuk menjalankan tugas dengan lebih baik" pada tahap 4.162. Item selanjutnya ialah pada aras 4.148 iaitu Kursus yang saya ikuti banyak membantu saya dalam menjalankan tugas seharian. Manakala item yang mendapat kedudukan keempat tertinggi ialah "Saya merasa lebih seronok bekerja setelah mengikuti kursus" iaitu berada aras 4.162. Ke empat-empat item ini menunjukkan majoriti peserta-peserta yang mengikuti kursus ini berpuas hati dengan pelaksanaan kursus yang dijalankan.

Terdapat 3 item di atas yang berada dibawah 4.000. Item yang terendah ialah untuk item "Kehadiran ke kursus ini menjejaskan tugas harian saya" yang hanya berada aras 2.703. Ini menggambarkan ramai para peserta yang berpandangan menghadiri kursus di ILDA telah mengganggu tugas harian mereka di sekolah atau pejabat. Ini diikuti oleh item "Lokasi kursus tidak menjadi masalah kepada saya" yang berada pada aras 3.738. Walaupun begitu min bagi item masih berada pada tahap yang tinggi lagi. Perkara ini mungkin disebabkan terdapat peserta kursus datang daripada jauh daripada ILDA seperti Kuala Langat, Hulu Langat, Sepang dan juga Hulu Selangor. Item yang ketiga terendah ialah berkaitan "Tempoh kursus adalah sesuai" yang berada pada tahap 3.842. Secara keseluruhannya, item ini masih juga berada pada tahap yang tinggi lagi namun dapatan ini menunjukkan terdapat peserta-peserta kajian yang merasakan kursus-kursus di ILDA mengambil masa yang agak lama seperti yang dilaksanakan dalam beberapa tahun sebelum ini.

■4.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, daripada dapatan kajian ini, didapati majoriti daripada peserta-peserta kursus ini berpuas hati dengan kursus yang ditawarkan kepada mereka. Ini dapat dilihat pada pernyataan "Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan kursus yang telah saya ikuti" yang mana min diperolehi adalah pada tahap tinggi iaitu 4.072. Dapatan ini menunjukkan hasrat JAIS dan ILDA untuk meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan aplikasi berkaitan bidang-bidang latihan kepada kakitangan JAIS dan lain-lain agensi di negeri Selangor adalah tercapai meskipun terdapat kelemahan-kelemahan tertentu yang perlu diperbaiki.

Rujukan

- Al-Bukhari (t.t). *Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ilm, Bab Ta'lim al-Rajuli Amatahu Wa Ahlahu*, Jil.1. Al_Qahirah: Dar al-Hadith
- Al-Mubarakpuri, Safu-ur-Rahman. (1995). *The Sealed Nectar*. Riyadh: Maktabah Dar-us-salam.
- Buku Program Latihan ILDAS (2009).
- Burns, R.B. *Introduction To Reserach Methods*. London: Sage Publication.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (2000). *Tafsir Pimpinan Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Sherwani, H.K. (1939), Educational System in the Time of the Prophet. *Islamic Quarterly*, XIII(1), 48–58.
- Syed Sajjad Husain and Syed Ali Ashraf .(1979). *Crisis In Muslim Education*. Jeddah: Hodder and Stoughton.
- Wehr, Hans. (1980). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Beirut: Librairie Du Liban,
- Yusuf Ali, Abdullah. (1989), *The Holy Qur'an, Text, Translation And Commentary*. Maryland: Amana Corporation.